



KILANG Sony di Perai.



KEADAAN salah sebuah bas kilang yang terlibat dalam kemalangan di Kilometer 147 Lebu Raya Utara-Selatan berhampiran Plaza Tol Juru semalam.



KILANG Plexus di Bayan Lepas.

Bas bawa pekerja kilang berasap sebelum dirempuh pula ketika berhenti

Panik, ngeri lihat kawan terkulai

Rosmo M/S 3 25/10/2017

SEBERANG PERAI - Seorang mangsa yang menaiki bas membawa pekerja kilang Sony di Perai di sini mendakwa mereka panik apabila secara tiba-tiba ternampak asap dari dalam bas sebelum masing-masing menjerit meminta pemandu berhentikan kenderaan.

Dakwa seorang mangsa yang mahu dikenali sebagai Ester, 20-an, masing-masing ketakutan dan berebut-rebut menuju ke pintu bas untuk turun selepas kepulan asap semakin tebal.

"Namun begitu pemandu bas berkenaan seolah-olah tidak mempedulikan jeritan kami dan dia terus memandu laju.

"Tidak sampai berapa saat selepas itu, pemandu bas berkenaan berhenti di tepi jalan dan ketika itu juga ada dalam kalangan kami melompat dari pintu kecemasan bas kerana takut melihat asap semakin tebal," ceritanya ketika ditemui di sini semalam.

Ester yang luka di kaki kiri memberitahu, dalam keadaan panik yang belum reda mereka



DUA pekerja kilang yang tercampak ke bawah penghadang jalan selepas dua buah bas terlibat dalam kemalangan di Kilometer 147, Lebu Raya Utara-Selatan berhampiran Plaza Tol Juru semalam.

yang masih berada dalam bas sekali lagi dikejutkan dengan bunyi-dentuman kuat dari arah belakang bas.

"Suasana dalam bas ketika itu bukan sahaja panik tetapi mengerikan apabila kami melihat ada rakan sekerja yang duduk di barisan kanan bahagian tengah dan belakang bas cedera dan ada yang terkulai di tempat duduk masing-masing," ceritanya lagi.

Dalam pada itu, seorang lagi pekerja kilang Sony yang enggan dikenali mendakwa, lampu belakang bas yang mereka naiki tidak berfungsi sebelum sebuah bas lain merempuh kenderaan dinaiki mereka yang berhenti di tepi lebu raya.

Dalam tragedi pada pukul 5 pagi semalam, tujuh pekerja kilang warga Indonesia dan seorang pekerja kilang warga Malaysia terbunuh dalam kemala-

ngan melibatkan dua buah bas.

Tujuh pekerja kilang warga Indonesia itu bekerja di kilang Sony di Bayan Lepas manakala mangsa rakyat Malaysia bekerja di kilang Plexus di Perai.

Sementara itu, Pejabat Konsulat Jeneral Indonesia di Pulau Pinang akan menguruskan proses membawa pulang tujuh mayat warganegara terbabit ke kampung halaman mereka selepas urusan bedah siasat selesai.

Naib Konsul Jeneral Indonesia di negeri ini, Osrinikita Zubhana memberitahu, kesemua tujuh mangsa yang maut dalam insiden itu berasal dari Medan.

"Kami sudah menghubungi semua ahli keluarga mangsa-mangsa malang itu dan ada yang sedang dalam perjalanan ke negara ini untuk proses pengecaman jenazah.

"Identiti semua mangsa yang terbabit sudah disahkan pihak polis, namun pihak kita menunggu ahli keluarga untuk membuat pengecaman mayat sebelum jenazah dihantar pulang," katanya.

INFO Kes-kes kemalangan melibatkan bas

- **24 Disember 2016** - Seramai 14 mangsa maut apabila sebuah bas terjunam ke dalam cerun di Pagoh, Johor
- **21 Ogos 2013** - Seramai 37 orang terkorban apabila bas yang dinaiki mereka terjunam ke dalam gaung di Kilometer 3.5, Jalan Genting Highlands, Pahang
- **10 Oktober 2010** - Seramai 12 orang maut apabila dua buah bas ekspres, tiga buah kereta dan sebuah van terbabit dalam kemalangan di Kilometer 223, Lebu Raya Utara-Selatan berdekatan Plaza Tol Simpang Empat, Alor Gajah dekat Rembau, Negeri Sembilan
- **14 Ogos 2007** - Seramai 20 orang terbunuh apabila sebuah bas ekspres terbabas sebelum terjunam ke dalam sebuah parit di Kilometer 229 Lebu Raya Utara-Selatan, Bukit Gantang, Taiping, Perak
- **26 Disember 2009** - Sepuluh penumpang maut apabila bas ekspres dua tingkat melanggar pembahagi jalan di Kilometer 272.8, Lebu Raya Utara-Selatan arah utara, kira-kira lapan kilometer selepas Plaza Tol Ipoh Selatan, Ipoh, Perak